

Enam juta anak pokok bakau ditanam atasi air pasang besar, hakisan pantai

KUALA LUMPUR – Kerajaan

telah menanam lebih enam juta batang anak pokok bakau melibatkan kawasan seluas 2,578 hektar di seluruh negara sebagai penahan dan pemecah ombak

sejak tahun 2006 bagi me-



ngatasi masalah hakisan pantai termasuk fenomena air pasang besar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar**) berkata, program

penanaman pokok bakau

yang menelan belanja sebanyak RM50 juta itu juga bagi memperbanyakkan kawasan pembiakan ikan.

“Dalam menangani fenomena air pasang besar, terdapat dua peringkat (langkah) dilakukan iaitu melihat (membaiki) benteng-benteng di pantai yang rosak akibat dipukul ombak ekor negara turut me-

ngalami angin kencang dan ribut pada masa ini.

“Bagi jangka panjang, kita akan membina benteng yang lebih kuat dan ia menelan kos yang lebih tinggi,” jelasnya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Noraini Ahmad (**BN-Parit Sulong**) pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.